

31 JUL 2000

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MELAKA DITANGGUHKAN

MELAKA, 31 Julai (Bernama) -- Lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Melaka yang dijadualkan Khamis ini telah ditangguhkan.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, lawatan sehari itu telah ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu.

Mengikut jadual lawatan itu sebelum ini, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri di sebuah hotel di Ayer Keroh di sini sejurus tiba pada 9.30 pagi.

Beliau kemudian akan merasmikan majlis penyerahan kunci 298 unit rumah kos rendah di Kemendor, Jasin.

Sebelum berlepas pulang pada sebelah petang, Dr Mahathir juga telah dijadualkan menghadiri perjumpaan dengan kira-kira 2,500 pegawai kerajaan, imam, pengerusi JKKK, wakil sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Seri Negeri, Ayer Keroh.

-- BERNAMA

MOZ PR